

**Menangani agenda global dan
memenuhi tuntutan sosial**

Proses globalisasi telah mewujudkan fenomena perbandingan antara entiti yang menjalankan fungsi atau peranan yang sama, termasuklah usaha penarafan universiti terbaik dunia.

Usaha-usaha penarafan sering diterima kerana faedahnya kepada aspek pemasaran sesebuah universiti terutama bagi universiti yang tinggi kedudukannya, dan faedah lain seperti penelitian data yang membuka ruang serta peluang kepada pembangunan berterusan dan penambahbaikan.

Pelbagai sistem penarafan telah diwujudkan bagi menentukan kedudukan universiti, sama ada oleh badan-badan bebas atau kumpulan penyelidikan universiti, dan agensi-agensi kerajaan.

Bagaimanapun, berbanding dengan sistem pengukuran atau penarafan lain di dunia, Times Higher Education-QS (THE-QS) mungkin sistem yang sering dirujuk dan diguna pakai sebagai petunjuk prestasi institusi pengajian dunia.

Sistem ini menggunakan enam penunjuk prestasi institusi, masing-masing dengan pemberat sendiri: Ulasan rakan kesepakaran (40 peratus), ulasan majikan (10 peratus), nisbah pelajar - fakulti (20 peratus), bilangan *citation* setiap fakulti (20 peratus), fakulti antarabangsa dan pelajar antarabangsa (5 peratus setiap satu, membawa kepada jumlah 10 peratus).

Sejak dilancarkan pada 2004, beberapa penambahbaikan metodologi telah dilakukan, yang mengakibatkan beberapa perubahan drastik dalam kedudukan institusi, termasuklah institusi di Malaysia, terutamanya dalam tempoh penilaian 2004-2006.

Dua buah universiti Malaysia, Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Malaysia (USM), berjaya memasuki ranking THES buat pertama kalinya pada penarafan tahun 2004, diikuti pula pada ketika ini tiga universiti lain iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). UTM berjaya berada dalam senarai 500 terbaik pada tahun penilaian 2007. Kedudukan kelima-lima universiti tersebut tidak konsisten daripada tahun 2004-2008, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kedudukan universiti awam Malaysia dalam senarai THE-QS

	UM	USM	UKM	UPM	UTM
2004	89	111	-	-	-
2005	169	326	289	394	-
2006	192	277	185	326	-
2007	246	307	309	364	415
2008	230	313	250	320	356

Bagaimanapun, kedudukan tersebut tidak harus diterima secara simplistik sebagai satu penunjuk kualiti dan prestasi universiti-universiti berkenaan. Menurut ketua

penyelidik QS, Sowter dalam ulasannya berkaitan kegagalan universiti-universiti Malaysia untuk berada dalam senarai 200 universiti terbaik dunia menegaskan bahawa: "Tujuan laporan ini adalah untuk menunjukkan, dengan tahap keyakinan yang tinggi, bahawa keputusan ini kurang menggambarkan prestasi sebenar, profil atau kualiti institusi-institusi Malaysia – yang telah berusaha secara berterusan untuk mengukuhkan reputasi antarabangsa mereka – tetapi sebenarnya lebih merujuk kepada hasil daripada penambahbaikan metodologi dan dinamik respons yang lebih baik dalam sistem penarafan ini."

Jika dibandingkan antara universiti-universiti di Asia Tenggara, universiti di Malaysia menduduki tempat yang agak memberangsangkan, seperti di Jadual 2:

Jadual 2: Kedudukan IPTA Malaysia antara universiti di Asia Tenggara

Kedudukan	Universiti	Kedudukan THE-QS
1	National University, Singapore	30
2	Nanyang Technical University, Singapore	77
3	Chulalongkorn University	166
4	UM	230
5	UKM	250
6	Mahidol University	251
7	Ateneo de Manila Univ	254
8	Uni of Philippines	276
9	Uni of Indonesia	287
10	USM	313
11	Bandung Inst. Tech.	315
12	Uni. Gadjah Mada	316
13	UPM	320
14	UTM	356
15	Kasetsart University, Thailand	400

Malahan, jika dibandingkan antara institusi pengajian tinggi (IPT) di negara-negara OIC, kedudukan IPT awam (IPTA) Malaysia juga boleh dibanggakan, seperti di Jadual 3:

Jadual 3: Kedudukan IPTA Malaysia antara universiti negara OIC

Kedudukan	Universiti	Kedudukan THE-QS
1	UM	230
2	UKM	250
3	University of Indonesia	287
4	USM	313

5	Bandung Inst of Technology	315
6	Universiti Gadjah Mada	316
7	UPM	320
8	King Fahd University of Petroleum	338
9	UTM	356
10	Bilkent University, Turkey	374
11	Istanbul Tech University	376
12	National Univ of Science and Tech, Pakistan	376

Cabaran sistem penarafan

Penelitian tentang sistem penarafan yang digunakan di dunia masa kini menunjukkan bahawa terdapat kelemahan dalam hampir kesemuanya. Contohnya, pelbagai kritikan telah dilemparkan terhadap THE-QS. Antaranya ialah kaedah persampelan yang digunakan, saiz sampel yang digunakan, kriteria yang digunakan untuk mengukur kecemerlangan sesuatu IPT, dan beberapa lagi kelemahan dari segi perkaedahan yang diguna pakai oleh sistem tersebut.

Paling ketara adalah kelemahan yang disebabkan prestasi yang diukur sebahagian besarnya berdasarkan reputasi semata-mata, yang ternyata memihak kepada universiti yang telah berjaya mengukir nama sekian lama dan mempunyai sumber kewangan yang besar yang boleh digunakan untuk tujuan tertentu yang boleh menonjolkan universiti tersebut sebagai universiti yang cemerlang.

Sistem lain yang juga semakin popular ialah sistem Shanghai Jiao Tong University (SJTU). Bagaimanapun, sistem ini mendefinisikan 'kecemerlangan' dari perspektif penyelidikan saintifik, penerbitan akademik dan Hadiah Nobel yang dianugerahkan, bukan dari aspek pengajaran atau pun penyelesaian kepada masalah-masalah tempatan yang berkaitan. Hal ini menjadikan ia sebagai sistem yang amat eksklusif memandangkan tidak banyak universiti yang dapat memenuhi kriteria yang ditetapkan ini.

Walaupun terdapat kelemahan dalam pengukuran yang digunakan dalam sistem penarafan THE-QS dan keraguan tentang kesahan data dan dapatan yang dihasilkan, serta ketidakmampuan IPT negara buat masa ini untuk memenuhi kriteria sistem-sistem lain yang lebih mencabar, mahu tidak mahu, IPT Malaysia tidak dapat melarikan diri daripada realiti bahawa penarafan akan terus berlaku, didorong oleh motivasi ekonomi, persepsi umum dan kehendak pemegang taruh tentang institusi pengajian tinggi terabit.

Teguran dan kritikan semasa tentang kriteria kecemerlangan dan kayu pengukur yang digunakan dalam menentukan taraf kedudukan sesuatu institusi perlu digunakan oleh agensi dan badan-badan penarafan sebagai petunjuk untuk memperbaiki sistem yang wujud masa kini, seperti THE-QS dan SJTU.

Ketaksuhan terhadap penarafan yang didorong terutamanya oleh faedah ekonomi yang boleh diraih hasil daripada kedudukan baik sesebuah institusi, telah membawa kepada penggubalan "Berlin Principles" oleh International Ranking Expert Group. Berlin Principles memperincikan prinsip-prinsip penarafan yang baik, dan menggariskan panduan metodologi penarafan berdasarkan asas-asas intelek dan saintifik.

Tambahan pula, pelbagai set kriteria universiti bertaraf dunia telah dibincangkan, dan dipertimbangkan serta diterima untuk mengukur ciri-ciri universiti bertaraf dunia, walaupun kriteria pengukuran yang digunakan tidak selalunya mudah untuk dipenuhi.

Kita juga tidak dapat lari daripada realiti bahawa hasil daripada penarafan ialah satu set universiti terbaik di dunia dari persepsi dan perspektif umum, yang dianggap sebagai elit, di mana penarafan menyebabkan setiap universiti terpaksa meletakkan matlamat untuk menjadi universiti bertaraf antarabangsa kerana apabila tinggi kedudukan universiti tersebut pada peringkat antarabangsa, bermakna semakin terkenal Negara yang diwakilinya dan semakin dihormati Negara tersebut.

Hal ini adalah selaras dengan hasrat negara di mana selain daripada menghasilkan modal insan yang bermutu tinggi yang dapat menyumbang kepada tenaga kerja yang berinovatif dan kreatif, dan yang akhirnya dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, Malaysia juga berhasrat untuk menjadi hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa.

Dalam usaha ke arah mencapai hasrat untuk menjadi hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa, KPT telah mewujudkan usaha tertentu melalui transformasi pengajian tinggi negara.

Salah satu daripadanya ialah penganugerahan status APEX kepada USM yang juga salah satu universiti yang telah diberi taraf universiti penyelidikan Malaysia, bersama tiga lagi universiti iaitu UM, UKM dan UPM.

Salah satu hasrat universiti APEX dan juga universiti penyelidikan ialah untuk memperkasakan penyelidikan serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya yang dapat membawa kepada keuntungan ekonomi seperti pengkomersialan dan penghasilan paten.

Hasrat tersebut memerlukan usaha yang khusus, di mana salah satu daripadanya